

01 AUG 2002
Hokkien-Ikrar
PERSATUAN HOKKIEN IKRAR SOKONG PERALIHAN KUASA

KUALA TERENGGANU, 1 Ogos (Bernama) -- Persekutuan Persatuan-Persatuan Hokkien Malaysia (PPPHM) berikrar memberikan sokongan padu terhadap peralihan kuasa negara selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersara tahun depan.

Presidennya Datuk Tong Yoke Kim berkata beliau percaya Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, mampu meneruskan kesinambungan pembangunan negara selepas Dr Mahathir.

"Kami berikrar menyokong Datuk Seri Abdullah untuk memimpin negara dengan terus maju, cemerlang dan menjaga kepentingan rakyat pelbagai kaum," katanya pada majlis perasmian persidangan perwakilan PPPHM penggal 21 kali ketiga di sini, hari ini. Abdullah merasmikan persidangan sehari itu.

Tong berkata masyarakat Hokkien negara ini amat berbangga dengan pencapaian yang ditunjukkan kerajaan dalam memajukan ekonomi negara walaupun ketika ekonomi mengalami kelembapan.

Menurutnya pencapaian itu penting bagi masyarakat Hokkien di negara ini dan kerana itu, sokongan padu akan terus diberikan kepada kerajaan.

"PPPHM yang ditubuhkan sejak 1957 akan terus memainkan peranan dalam membantu kerajaan memajukan negara ini dengan menggalakkan masyarakat Cina agar terus berusaha membantu memulihkan ekonomi negara," katanya.

Tong berkata rakyat negara ini juga perlu menolak golongan pelampau yang boleh mengganggu proses pertumbuhan ekonomi negara dan program pembangunan untuk rakyat.

"Tragedi 11 Sept mencetuskan rasa kurang senang terhadap masyarakat dunia termasuk Malaysia dan kita di sini mesti melipatgandakan perpaduan dan berusaha ke arah memantapkan integrasi nasional," katanya.

Beliau berkata rakyat Malaysia sudah mula sedar mengenai kegiatan golongan pelampau dan kerana itu, mereka perlu terus memilih kerajaan Barisan Nasional (BN) yang terbukti berjaya membangunkan negara ini.

--BERNAMA
AYB SN NAK